

22 SEP 1997

KEMENTERIAN PENDIDIKAN BELUM BUAT KEPUTUSAN TANGGUH PEPERIKSAAN

KUALA TERENGGANU, 22 Sept (Bernama) -- Kementerian Pendidikan belum membuat sebarang keputusan untuk menangguhkan peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) yang akan diadakan pada Oktober ini, berikutan penutupan sekolah di Sarawak kerana jerebu.

Menteri Pendidikan Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak berkata kerajaan sedang memikirkan cara yang terbaik sebelum membuat keputusan.

"Saya telah maklumkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bertindak Bencana Negara (JPBBN) pada pagi tadi, yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa ada perkara yang harus dipertimbangkan sebelum membuat keputusan mengenai penangguhan peperiksaan itu," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Program Bersepadu Sekolah Sihat (PBBS) peringkat kebangsaan, di sini hari ini.

Bagaimanapun, Najib memberitahu keputusan berkaitan peperiksaan itu akan dibuat dalam jangka waktu yang terdekat memandangkan tarikh peperiksaan itu semakin hampir. -- BERNAMA

SBS RI